

18 JUN 1997

CYBERJAYA HARUS MENGHUBUNGKAN BAHAGIAN LAIN DI DUNIA, KATA DOUGAN

Oleh: Mohd Rizal Razalli & Noryani Ismail

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Seorang penasihat Koridor Raya Multimedia (MSC) berkata peluang daripada bandar pintar Cyberjaya dalam MSC akan hilang begitu sahaja jika ia hanya dilihat sebagai sebuah taman perindustrian raksasa di Malaysia.

"Ia mestilah sesuatu yang dapat menghubungkan banyak tempat di dunia," kata Ambassador Diana Lady Dougan dari Amerika Syarikat.

Dalam satu temubual dengan Bernama, beliau berkata bahawa dalam ceramahnya baru-baru ini, beliau merujuk kepada kedudukan Malaysia sebagai pelabur tunggal terbesar di Afrika Selatan dan menyentuh mengenai peluang-peluang dalam penggunaan rangkaian teknologi maklumat (dalam MSC).

Peluang tersebut akan digunakan sebagai pemangkin untuk memperkukuhkan pengetahuan pekerja dan kegiatan dalam pembuatan, perkhidmatan dan sektor lain antara kedua-dua negara, kata Dougan, yang juga anggota Panel Penasihat Antarabangsa untuk MSC.

Bagi MSC, beliau berkata pembangunan keseluruhannya bukan setakat Cyberjaya, yang akan dikendalikan oleh empat hingga lima syarikat yang ditentukan, tetapi menjadi pemangkin kepada bahagian lain di dunia.

Daripada tujuh kegiatan induk dalam MSC, beliau berkata teleperubatan harus diberi keutamaan.

Beliau percaya bahawa teleperubatan akan memberi kesan paling ketara kerana ia adalah sesuatu yang spesifik dan menghasilkan kerjasama seperti bekerja untuk mendiagnos sesuatu penyakit.

Mengenai cara-cara untuk memikat lebih banyak syarikat IT mengadakan operasi dalam MSC, Dougan berkata MSC sendiri telah menetapkan satu wawasan yang lebih luas lagi, bukan sekadar bercakap berkaitan sebuah taman perindustrian atau Lembah Silikon di Asia.

"Marilah kita andaikan, yang akan membezakan ialah memenuhi komitmen kepada satu rangka kerja, yang termasuk jaminan dan hak untuk mendapatkan peluang di dalam MSC," katanya.

Beliau berkata bahawa beliau menyedari wujud kebimbangan tentang halangan-halangan di Malaysia. Tetapi dengan komitmen Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memberi tumpuan kepada penggunaan yang sewajarnya, ia akan membolehkan pembangunan MSC dan bukan mengawalinya.

Ini akan menggalakkan penyertaan pihak-pihak yang sanggup untuk bekerja dalam cara yang lebih sepakat dan dalam asas yang tanpa sempadan, tambahnya.

Merujuk kepada empat undang-undang multimedia yang diluluskan untuk menerajui pembangunan MSC, Dougan berkata Malaysia kini menghadapi cabaran seterusnya -- untuk meluluskan undang-undang konvergensi multimedia.

Sebagai salah sebuah negara yang merintis penubuhan perundangan konvergensi, Malaysia menghadapi cabaran dalam mewujudkan satu tanda aras untuk undang-undang berpusatkan ruang siber untuk membuka lebih banyak ruang dan memberi penjelasan kepada ketakpastian dalam pembangunan teknologi masa depan.

"Saya fikir tidak banyak negara yang cuba memajukan satu undang-undang konvergensi kerana ia adalah terlalu sukar dan rumit," katanya.

"Oleh itu, perkuannya ialah untuk menjadikan undang-undang itu mudah manakala memberi tumpuan kepada prinsip."

Beliau mencadangkan agar Malaysia menubuhkan sebuah suruhanjaya kawalselia bebas untuk membantu kerajaan mengawasi pelaksanaan prinsip-prinsip berkaitan dalam undang-undang konvergensi multimedia itu.

"Anggota suruhanjaya bebas itu tidak semestinya pakar daripada sektor telekomunikasi dan penyiaran, tetapi mereka hendaklah memahami bagaimana isu-isu konvergens itu perlu didekati dalam konteks yang tertentu," katanya.

Undang-undang konvergens multimedia, yang akan dibentangkan pada persidangan Parlimen akan datang, akan menangani konvergens tugas dalam industri telekomunikasi sebagai pemberi khidmat kepada perkhidmatan telekomunikasi, rangkaian Internet dan penyiaran.

Dougan, yang juga penasihat kanan kepada Pusat Kajian Strategik dan Antarabangsa di Washington DC, berkata setakat ini belum ada lagi negara yang menghasilkan satu undang-undang konvergens yang betul-betul berkesan.

Beliau mengulangi bahawa pembangunan keseluruhan MSC mestilah terlebih dahulu menyediakan prasarana mengikut susunan yang betul, iaitu teknologi, diikuti oleh manusia (tenaga untuk mengendalikannya) dan akhir sekali dasar yang berkaitan. -- BERNAMA

RIZ YI SIA